



21 Disember 2016
21 December 2016
P.U. (A) 337

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN MINERAL
(PELESENAN) 2016

*MINERAL DEVELOPMENT (LICENSING)
REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN MINERAL 1994

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN MINERAL (PELESENAN) 2016

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pelan pengurusan penyimpanan
4. Skim pemprosesan mineral
5. Larangan memperoleh mineral daripada sumber yang tidak sah
6. Aktiviti yang menghendakkan lesen
7. Permohonan bagi lesen
8. Pengeluaran lesen
9. Pembaharuan lesen
10. Perubahan butir-butir
11. Penggantian lesen
12. Ketidapkakaian peraturan 9, 10 dan 11
13. Kesahan lesen
14. Pematuhan syarat lesen
15. Penyerahhakan lesen
16. Pembatalan lesen
17. Mempamerkan atau menunjukkan lesen
18. Pelantikan pengurus premis
19. Kewajipan pemegang lesen atau pengurus premis
20. Penyata statistik
21. Penyenggaraan rekod operasi
22. Fi
23. Rayuan
24. Peruntukan peralihan

JADUAL

AKTA PEMBANGUNAN MINERAL 1994

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN MINERAL (PELESENAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 63 Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Pelesenan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Tafsiran

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“pengurus premis” ertinya pengurus yang dilantik di bawah peraturan 18;

“perunding” ertinya seorang jurutera perlombongan atau sumber mineral profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia;

“premis” ertinya mana-mana premis penyimpanan mineral atau premis pemprosesan mineral yang terletak di luar kawasan tenemen mineral.

(2) Dalam Peraturan-Peraturan ini, apa-apa sebutan mengenai mineral termasuklah sebutan mengenai bijih mineral.

Pelan pengurusan penyimpanan

3. Pelan pengurusan penyimpanan yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini ialah suatu pelan pengurusan yang diperakukan oleh seorang perunding yang mengandungi—

(a) butir-butir pemohon;

- (b) kelulusan pihak berkuasa berkaitan untuk menggunakan tanah bagi maksud aktiviti penyimpanan mineral;
- (c) apa-apa dokumen yang membuktikan hak untuk menggunakan tanah bagi maksud aktiviti penyimpanan mineral;
- (d) suatu pelan susun atur kawasan penyimpanan mineral berserta dengan perincian kawasan itu;
- (e) maklumat berhubung dengan langkah-langkah keselamatan yang dicadangkan untuk diambil pada masa pengendalian mineral;
- (f) maklumat berhubung dengan langkah-langkah perlindungan alam sekeliling termasuk maklumat berhubung dengan kawalan dan mitigasi pencemaran, rancangan pemantauan dan rancangan luar jangkaan, jika berkenaan;
- (g) maklumat berhubung dengan pengendalian sisa pepejal, pembuangan efluen atau pelepasan gas; dan
- (h) suatu rancangan selepas pemberhentian aktiviti penyimpanan mineral, jika berkenaan.

Skim pemprosesan mineral

4. Skim pemprosesan mineral yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini ialah suatu skim pemprosesan mineral yang diperakukan oleh seorang perunding yang mengandungi—

- (a) butir-butir pemohon;
- (b) kelulusan pihak berkuasa berkaitan untuk menggunakan tanah bagi maksud aktiviti pemprosesan mineral;

- (c) apa-apa dokumen yang membuktikan hak untuk menggunakan tanah bagi maksud aktiviti pemprosesan mineral;
- (d) suatu pelan susun atur premis pemprosesan mineral yang mengandungi maklumat berkaitan termasuk kawasan pemprosesan, penyimpanan stok, pembendungan hampas dan alur limpah efluen;
- (e) perincian kawasan dalam lingkungan tiga kilometer radius dari premis pemprosesan mineral termasuk semua kepentingan orang awam di kawasan itu;
- (f) kaedah pemprosesan mineral yang dicadangkan dan peralatan yang akan digunakan;
- (g) maklumat berhubung dengan kapasiti pengeluaran bulanan premis pemprosesan mineral;
- (h) maklumat berhubung dengan kaedah penyimpanan dan pengendalian bahan berbahaya, jika berkenaan;
- (i) maklumat berhubung dengan pengendalian sisa pepejal, pembuangan efluen atau pelepasan gas;
- (j) maklumat berhubung dengan langkah-langkah perlindungan alam sekeliling termasuk maklumat berhubung dengan kawalan dan mitigasi pencemaran, rancangan pemantauan dan rancangan luar jangkaan, jika berkenaan;
- (k) suatu rancangan selepas pemberhentian aktiviti pemprosesan mineral; dan
- (l) suatu rancangan pengurusan keselamatan yang mengandungi butir-butir yang berikut:

- (i) pengenalpastian kawasan, bahan dan aktiviti yang berbahaya, dan penilaian tahap risiko yang berbangkit daripada aktiviti yang berbahaya itu;
- (ii) langkah-langkah untuk mengawal risiko yang disebut dalam subperenggan (i);
- (iii) suatu program latihan keselamatan; dan
- (iv) suatu tatacara tindak balas keselamatan yang termasuklah—
 - (A) langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kestabilan longgokan buangan dan pembendungan hampas;
 - (B) penyediaan kemudahan, kelengkapan dan sistem amaran keselamatan yang bersesuaian; dan
 - (C) cara memaklumkan pihak berkuasa berkaitan jika berlaku apa-apa kecemasan.

Larangan memperoleh mineral daripada sumber yang tidak sah

5. (1) Tiada seorang pun boleh memiliki, membeli, menjual, menyimpan, memproses atau mengangkut apa-apa mineral yang diperolehi daripada mana-mana sumber kecuali daripada pemegang lesen mineral yang sah, pemegang lesen memproses mineral yang sah, pemegang tenemen mineral yang sah atau pengimport mineral yang sah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Aktiviti yang menghendakkan lesen

6. (1) Tertakluk kepada hak pemegang mana-mana tenemen mineral yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada seorang pun boleh—

(a) memiliki, membeli, menjual atau menyimpan mana-mana mineral melainkan jika orang itu memegang suatu lesen mineral;

(b) menjalankan apa-apa aktiviti pemprosesan mineral melainkan jika orang itu memegang suatu lesen memproses mineral; atau

(c) mengangkut apa-apa mineral melainkan jika orang itu memegang suatu lesen mengangkut mineral.

(2) Perenggan (1)(a) tidak terpakai jika seseorang telah diberikan lesen memproses mineral yang disebut dalam perenggan (1)(b).

(3) Perenggan (1)(c) tidak terpakai bagi mana-mana orang yang memegang dokumen pergerakan mineral di bawah mana-mana undang-undang perlombongan yang berkuat kuasa.

(4) Mana-mana orang yang yang melanggar perenggan (1)(a) atau (b) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(5) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1)(c) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Permohonan bagi lesen

7. (1) Suatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang disebut dalam perenggan 6(1)(a) atau (b) hendaklah dibuat kepada Pengarah

mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah berserta dengan fi permohonan yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Suatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan aktiviti yang disebut dalam perenggan 6(1)(c) hendaklah dibuat kepada Penolong Pengarah mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Penolong Pengarah berserta dengan fi permohonan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (2) hanya boleh dibuat oleh pemegang lesen mineral atau pemegang lesen memproses mineral yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Permohonan bagi lesen untuk menjalankan—

(a) aktiviti penyimpanan mineral hendaklah disertakan dengan suatu pelan pengurusan penyimpanan; atau

(b) aktiviti pemprosesan mineral hendaklah disertakan dengan suatu skim pemprosesan mineral.

(5) Berhubung dengan aktiviti penyimpanan mineral, jika mineral itu disimpan dalam suatu kawasan yang diuruskan oleh suatu badan pengurusan, permohonan bagi lesen hendaklah dibuat oleh badan pengurusan itu.

(6) Pengarah boleh, pada bila-bila masa apabila menerima suatu permohonan di bawah subperaturan (1), menghendaki pemohon untuk mengemukakan maklumat lanjut kepada Pengarah.

(7) Penolong Pengarah boleh, pada bila-bila masa apabila menerima suatu permohonan di bawah subperaturan (2), menghendaki pemohon untuk mengemukakan maklumat lanjut kepada Penolong Pengarah.

(8) Jika maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (6) atau (7) tidak dikemukakan dalam tempoh yang dinyatakan atau apa-apa pelanjutan tempoh yang dinyatakan oleh Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan hak pemohon untuk mengemukakan permohonan baharu.

(9) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) atau (2) boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengeluarkan suatu notis bertulis berhubung dengan keputusannya.

(10) Bagi maksud peraturan ini, “badan pengurusan” ertinya orang yang menyediakan perkhidmatan penyimpanan mineral di kawasan yang diluluskan pihak berkuasa perancang tempatan.

Pengeluaran lesen

8. (1) Selepas mempertimbangkan permohonan di bawah subperaturan 7(1) dan maklumat di bawah subperaturan 7(6), Pengarah boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(2) Selepas mempertimbangkan permohonan di bawah subperaturan 7(2) dan maklumat di bawah subperaturan 7(7), Penolong Pengarah boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengeluarkan suatu notis bertulis tentang keputusannya kepada pemohon.

(4) Jika Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, meluluskan permohonan di bawah subperaturan 7(1) atau (2), pemohon hendaklah membayar fi pengeluaran lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual sebelum lesen itu dikeluarkan.

Pembaharuan lesen

9. (1) Seorang pemegang lesen mineral atau lesen memproses mineral boleh memohon untuk memperbaharui lesen itu kepada Pengarah mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah berserta dengan pembayaran fi pembaharuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Suatu permohonan untuk memperbaharui lesen hendaklah dibuat dalam tempoh tidak kurang daripada tiga bulan sebelum tamat tempoh lesen itu.

(3) Mana-mana permohonan memperbaharui lesen yang diterima kurang daripada tiga bulan sebelum tamat tempoh lesen hendaklah tertakluk kepada pembayaran fi pembaharuan dan fi pembaharuan lewat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(4) Mana-mana permohonan untuk pembaharuan yang dikemukakan selepas tamat tempoh lesen tidak boleh dipertimbangkan untuk kelulusan.

(5) Jika Pengarah memutuskan untuk membaharui lesen di bawah subperaturan (1) atau (3), pemohon hendaklah membayar fi pengeluaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual kepada Pengarah sebelum suatu lesen dibaharui.

Perubahan butir-butir

10. (1) Tiap-tiap pemegang lesen mineral atau lesen memproses mineral hendaklah, dalam tempoh satu bulan daripada berlakunya apa-apa perubahan dalam butir-butir lesen, memaklumkan perubahan itu secara bertulis kepada Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penggantian lesen

11. (1) Jika suatu lesen itu hilang, cacat atau rosak, pemegang lesen mineral atau lesen memproses mineral hendaklah memohon untuk mendapatkan salinan lesen

daripada Pengarah berserta dengan fi penggantian sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu salinan lesen dengan perkataan "PENDUA" yang diendors pada salinan lesen itu.

Ketidakpakaian peraturan 9, 10 dan 11

12. Peraturan 9, 10 dan 11 tidak terpakai bagi pemegang lesen mengangkut mineral.

Kesahan lesen

13. (1) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan bagi aktiviti yang disebut dalam perenggan 6(1)(a) sah untuk suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

(2) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan bagi aktiviti yang disebut dalam perenggan 6(1)(b) sah untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

(3) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan bagi aktiviti yang disebut dalam perenggan 6(1)(c) sah untuk suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), jika suatu lesen mengangkut mineral telah digunakan oleh mana-mana orang untuk mengangkut mineral, lesen itu tidak boleh digunakan lagi bagi pengangkutan mineral yang seterusnya.

Pematuhan syarat lesen

14. (1) Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat berhubung dengan lesen yang dikeluarkan di bawah subperaturan 8(1).

(2) Penolong Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat berhubung dengan lesen yang dikeluarkan di bawah subperaturan 8(2).

(3) Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh pada bila-bila masa meminda apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subperaturan (1) atau (2), jika berkenaan.

(4) Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan ke atas sesuatu lesen.

(5) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subperaturan (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Penyerahhakan lesen

15. (1) Seorang pemegang lesen tidak boleh menyerahhakan lesen kepada mana-mana orang lain.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pembatalan lesen

16. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), Pengarah, berhubung dengan lesen yang dikeluarkan di bawah subperaturan 8(1), atau Penolong Pengarah, berhubung dengan lesen yang dikeluarkan di bawah subperaturan 8(2), boleh membatalkan suatu lesen, jika Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen telah melanggar mana-mana syarat yang dinyatakan dalam lesen;
- (b) pemegang lesen telah gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Akta;
- (c) pemegang lesen telah gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini;

- (d) pemegang lesen telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini; atau
- (e) pemberian lesen disebabkan oleh representasi fakta yang palsu oleh atau bagi pihak pemegang lesen itu.

(2) Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh membatalkan lesen melainkan jika dia berpuas hati, selepas memberikan pemegang lesen suatu peluang untuk membuat representasi secara bertulis, bahawa lesen itu patut dibatalkan.

(3) Jika suatu lesen dibatalkan di bawah subperaturan (1), Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengeluarkan notis secara bertulis kepada pemegang lesen.

Mempamerkan atau menunjukkan lesen

17. (1) Seorang pemegang lesen mineral atau lesen memproses mineral atau pengurus premis yang dilantik di bawah peraturan 18 hendaklah—

- (a) mempamerkan lesen di tempat yang mudah dilihat di premis yang dinyatakan dalam lesen; dan
- (b) menunjukkan lesen bagi maksud pemeriksaan apabila diminta oleh mana-mana pegawai galian.

(2) Mana-mana orang yang mengangkut mineral hendaklah menunjukkan lesen mengangkut mineral bagi maksud pemeriksaan apabila diminta oleh mana-mana pegawai galian.

(3) Mana-mana pemegang lesen mineral atau lesen memproses mineral atau pengurus premis yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pelantikan pengurus premis

18. (1) Pemegang lesen mineral yang menjalankan aktiviti penyimpanan mineral dan pemegang lesen memproses mineral hendaklah, tertakluk kepada kelulusan Penolong Pengarah, melantik seorang pengurus premis.

(2) Jika pengurus premis yang dilantik di bawah subperaturan (1) terhenti menjadi pengurus premis, pemegang lesen yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah, tertakluk kepada kelulusan Penolong Pengarah, dalam tempoh tiga hari daripada tarikh pemberhentian itu melantik seorang pengurus premis yang lain.

(3) Jika pemegang lesen ialah orang perseorangan, dia boleh, tertakluk kepada kelulusan Penolong Pengarah, melantik dirinya sendiri sebagai pengurus premis.

(4) Seorang pemegang lesen yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kewajipan pemegang lesen atau pengurus premis

19. (1) Seorang pemegang lesen mineral yang menjalankan aktiviti penyimpanan mineral atau pengurus premis hendaklah mematuhi pelan pengurusan penyimpanan dan hendaklah—

(a) mengendali dan menyenggara tempat kerja dalam apa-apa cara yang pekerja boleh melaksanakan kerja mereka tanpa membahayakan keselamatan mereka;

- (b)* mengawasi, menilai dan membuat pemeriksaan biasa tempat kerja untuk mengenal pasti kemalangan yang boleh berlaku;
- (c)* mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya di tempat kerja untuk mencegah kebakaran dan letupan;
- (d)* jika terdapat bahaya yang serius kepada keselamatan pekerja, memastikan semua kerja dihentikan dan pekerja dipindahkan ke tempat yang selamat;
- (e)* memastikan penyeliaan dan kawalan yang mencukupi disediakan pada setiap syif kerja;
- (f)* menyediakan kelengkapan keselamatan yang mencukupi termasuk kit pertolongan cemas;
- (g)* menampal notis yang mengandungi tindakan yang perlu diambil jika berlaku kecemasan di tempat kerja pada tempat yang mudah dilihat dan pelan yang menunjukkan lokasi telefon atau kelengkapan komunikasi lain, stesen pertolongan cemas, alat pemadam api dan kelengkapan penyelamat lain; dan
- (h)* mengambil semua langkah-langkah yang perlu untuk meminimumkan risiko kemalangan di tempat kerja.

(2) Pemegang lesen memproses mineral atau pengurus premis hendaklah mematuhi skim pemprosesan mineral.

(3) Mana-mana pemegang lesen mineral yang menjalankan aktiviti penyimpanan mineral atau pengurus premis yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang menjalankan aktiviti pemrosesan mineral atau pengurus premis yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(5) Bagi maksud peraturan ini, “tempat kerja” ertinya mana-mana tempat yang digunakan bagi maksud penyimpanan atau pemrosesan mineral.

Penyata statistik

20. (1) Pemegang lesen mineral atau lesen memproses mineral atau pengurus premis hendaklah mengemukakan penyata statistik bulanan yang terkini mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pemegang lesen mineral atau lesen memproses mineral atau pengurus premis yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Penyata statistik bulanan yang disebut dalam subperaturan (1) ertinya penyata statistik yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) kuantiti dan gred mineral yang dibeli dan nama penjual mineral;
- (b) kuantiti dan gred mineral yang dijual dan nama pembeli mineral;
- (c) jumlah penggunaan tenaga elektrik dan bahan api;
- (d) jenis dan kuantiti bahan kimia yang digunakan, jika berkenaan;
- (e) stok mineral;
- (f) royalti yang dibayar, jika berkenaan;

(g) bilangan pekerja termasuk kewarganegaraan dan kategori pekerjaan; dan

(h) maklumat berkenaan dengan pelaburan, jika berkenaan.

Penyenggaraan rekod operasi

21. (1) Pemegang lesen mineral yang menjalankan aktiviti penyimpanan mineral dan pemegang lesen memproses mineral atau pengurus premis hendaklah menyenggara rekod operasi yang terkini dan benar mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pemegang lesen mineral yang menjalankan aktiviti penyimpanan mineral dan pemegang lesen memproses mineral atau pengurus premis hendaklah memastikan bahawa rekod operasi tersedia pada bila-bila masa yang munasabah bagi maksud pemeriksaan oleh mana-mana pegawai galian.

(3) Mana-mana pemegang lesen atau pengurus premis yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Fi

22. Apa-apa fi yang dibayar menurut Peraturan-Peraturan ini tidak akan dikembalikan.

Rayuan

23. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pengarah atau Penolong Pengarah yang menolak untuk mengeluarkan suatu lesen di bawah peraturan 8, yang menolak untuk memperbaharui suatu lesen di bawah peraturan 9, atau yang membatalkan suatu lesen di bawah peraturan 16 boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu tentang keputusan itu, merayu secara bertulis kepada Ketua Pengarah terhadap keputusan itu.

(2) Ketua Pengarah boleh, selepas menimbangkan rayuan yang dibuat di bawah subperaturan (1)—

- (a) mengesahkan keputusan Pengarah atau Penolong Pengarah;
- (b) membatalkan keputusan Pengarah atau Penolong Pengarah; atau
- (c) menggantikan keputusan Pengarah atau Penolong Pengarah dengan apa-apa keputusan yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

Peruntukan peralihan

24. (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, sedang menjalankan mana-mana aktiviti yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, memohon bagi suatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Sementara menunggu keputusan permohonan yang disebut dalam subperaturan (1), orang itu bolehlah terus menjalankan aktiviti itu.

(3) Jika Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak meluluskan permohonan yang disebut dalam subperaturan (1), pemohon hendaklah memberhentikan aktiviti yang dijalankan dan tiada pampasan perlu dibayar oleh Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi apa-apa kerugian yang ditanggung atau kerosakan yang dialami oleh orang itu.

JADUAL

[Peraturan 7, 8, 9, dan 11]

Fi

Bil.	Peraturan	Perihal	Kadar fi (RM)
1.	Peraturan 7	Fi permohonan—	
		(a) lesen bagi aktiviti di bawah perenggan 6(1)(a)	500.00
		(b) lesen bagi aktiviti di bawah perenggan 6(1)(b)	1,000.00
		(c) lesen bagi aktiviti di bawah perenggan 6(1)(c)	10.00
2.	Peraturan 8 dan 9	Fi pengeluaran—	
		(a) lesen bagi aktiviti di bawah perenggan 6(1)(a)	1,000.00 bagi setiap tahun
		(b) lesen bagi aktiviti di bawah perenggan 6(1)(b)	2,000.00 bagi setiap tahun
		(c) lesen bagi aktiviti di bawah perenggan 6(1)(c)	5.00 bagi tiap-tiap lesen yang dikeluarkan
3.	Peraturan 9	Fi pembaharuan—	
		(a) lesen bagi aktiviti di bawah perenggan 6(1)(a)	300.00
		(b) lesen bagi aktiviti di bawah perenggan 6(1)(b)	600.00
		Fi pembaharuan lewat—	
		(a) lesen bagi aktiviti di bawah perenggan 6(1)(a)	1,500.00

		(b) lesen bagi aktiviti di bawah perenggan 6(1)(b)	3,000.00
4.	Peraturan 11	Fi penggantian lesen	200.00

Dibuat 15 Disember 2016
[NRE/PUU611-5/16; PN(PU2)439/VI]

DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

MINERAL DEVELOPMENT ACT 1994

MINERAL DEVELOPMENT (LICENSING) REGULATIONS 2016

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Storage management plan
4. Mineral processing scheme
5. Prohibition to obtain minerals from illegal source
6. Activities requiring licence
7. Application for licence
8. Issuance of licence
9. Renewal of licence
10. Change of particulars
11. Replacement of licence
12. Non-application of regulations 9, 10 and 11
13. Validity of licence
14. Compliance with conditions of licence
15. Assignment of licence
16. Revocation of licence
17. Display or produce of licence
18. Appointment of premises manager
19. Duties of holder of licence or premises manager
20. Statistical returns
21. Maintenance of operations record
22. Fee
23. Appeals
24. Transitional provisions

SCHEDULE

MINERAL DEVELOPMENT ACT 1994

MINERAL DEVELOPMENT (LICENSING) REGULATIONS 2016

IN exercise of the powers conferred by section 63 of the Mineral Development Act 1994 [*Act 525*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Mineral Development (Licensing) Regulations 2016**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2017.

Interpretation

2. (1) In these Regulations—

“premises manager” means a manager appointed under regulation 18;

“consultant” means a professional mining or mineral resources engineer registered with the Board of Engineers Malaysia;

“premises” means any premises for mineral storage or mineral processing premises located outside the mineral tenement.

(2) In these Regulations, any reference to mineral includes a reference to mineral ores.

Storage management plan

3. A storage management plan referred to in these Regulations is a management plan certified by a consultant which contains—

(a) the particulars of the applicant;

- (b)* the approval from the relevant authorities to use land for the purposes of mineral storage activities;
- (c)* any documents proving the rights to use land for the purposes of mineral storage activities;
- (d)* a layout plan of the mineral storage area together with the details of the area;
- (e)* the information in relation to the proposed safety measures to be taken at the time of handling of minerals;
- (f)* the information in relation to the environmental protection measures including the information in relation to pollution control and mitigation, monitoring plans and contingency plans, where applicable;
- (g)* the information in relation to the handling of solid waste, effluent discharge or gas emission; and
- (h)* a post closure plan of the mineral storage activities, where applicable.

Mineral processing scheme

4. A mineral processing scheme referred to in these Regulations is a mineral processing scheme certified by a consultant which contains—

- (a)* the particulars of the applicant;
- (b)* the approval from the relevant authorities to use land for the purpose of mineral processing activities;
- (c)* any documents proving the rights to use land for the purpose of mineral processing activities;

- (d) a layout plan of the mineral processing premises containing the relevant information including processing area, stock storage, tailings impoundment and effluent spillway;
- (e) details of an area within three kilometre radius from the mineral processing premises including all public interests in the area;
- (f) the proposed mineral processing method and the equipment to be used;
- (g) the information in relation to monthly capacity of the mineral processing premises;
- (h) the information in relation to the methods of storage and the handling of hazardous materials, where applicable;
- (i) the information in relation to the handling of solid waste, effluent discharge or gas emission;
- (j) the information in relation to the environmental protection measures including the information in relation to pollution control and mitigation and monitoring plans and contingency plans, where applicable;
- (k) a post closure plan of the mineral processing activities; and
- (l) a safety management plan containing the following particulars:

 - (i) identification of hazardous areas, materials and activities, and assessment of risks arising from those hazardous activities;
 - (ii) measures to control the risks mentioned in subparagraph (i);
 - (iii) a safety training programme; and

- (iv) emergency response procedures which includes—
 - (A) measures for ensuring safety and stability of waste dumps and tailings impoundment;
 - (B) the provision of appropriate safety facilities, equipment and warning system; and
 - (C) the manner of informing the relevant authorities in the event of any emergency.

Prohibition to obtain minerals from illegal source

5. (1) No person shall possess, purchase, sell, store, process or transport any minerals obtained from any source except from a holder of a valid mineral licence, a holder of a valid mineral processing licence, a holder of a valid mineral tenement or a valid mineral importer.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

Activities requiring licence

6. (1) Subject to the rights of the holder of any mineral tenement provided under any written law, no person shall—

- (a) possess, purchase, sell or store any minerals unless the person holds a mineral licence;
- (b) carry out any mineral processing activities unless the person holds a mineral processing licence; or
- (c) transport any mineral unless the person holds a licence to transport mineral.

(2) Paragraph (1)(a) shall not apply where a person has been granted a mineral processing licence referred to in paragraph (1)(b).

(3) Paragraph (1)(c) shall not apply to any person who holds a document for movement of mineral under any mining laws being in force.

(4) Any person who contravenes paragraphs (1)(a) or (b) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

(5) Any person who contravenes paragraph (1)(c) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

Application for licence

7. (1) An application for a licence to carry out activities referred to in paragraph 6(1)(a) or (b) shall be made to the Director in such form and manner as determined by the Director together with an application fee as specified in the Schedule.

(2) An application for a licence to carry out activities referred to in paragraph 6(1)(c) shall be made to the Assistant Director in such form and manner as determined by the Assistant Director together with an application fee as specified in the Schedule.

(3) The application referred to in subregulation (2) shall only be made by a holder of mineral licence or a holder of mineral processing licence issued under these Regulations.

(4) An application for a licence to carry out—

(a) mineral storage activities shall be accompanied with a storage management plan; or

(b) mineral processing activities shall be accompanied with a mineral processing scheme.

(5) In relation to mineral storage activities, where the mineral is stored in an area managed by a management body, the application for a licence shall be made by that management body.

(6) The Director may, at any time upon receiving an application under subregulation (1), require the applicant to provide further information to the Director.

(7) The Assistant Director may, at any time upon receiving an application under subregulation (2), require the applicant to provide further information to the Assistant Director.

(8) Where the information required under subregulation (6) or (7) is not provided by the applicant within the specified period or any extended period specified by the Director or Assistant Director, as the case may be, the application shall be deemed to be withdrawn without prejudice to the rights of the applicant to make a new application.

(9) An application under subregulation (1) or (2) may be withdrawn at any time before the Director or Assistant Director, as the case may be, issue a written notice in relation to his decision.

(10) For the purposes of this regulation, “management body” means a person who provides services for mineral storage in an area approved by the local planning authority.

Issuance of licence

8. (1) After considering the application under subregulation 7(1) and information under subregulation 7(6), the Director may approve or refuse the application.

(2) After considering the application under subregulation 7(2) and information under subregulation 7(7), the Assistant Director may approve or refuse the application.

(3) The Director or Assistant Director, as the case may be, shall issue a written notice of his decision to the applicant.

(4) Where the Director or Assistant Director, as the case may be, approves the application under subregulation 7(1) or (2), the applicant shall pay an issuance fee of a licence as specified in the Schedule before the licence is issued.

Renewal of licence

9. (1) A holder of mineral licence or mineral processing licence may apply to renew the licence to the Director in such form and manner as determined by the Director together with the payment of a renewal fee as specified in the Schedule.

(2) An application to renew a licence shall be made not less than three months before the expiration of the licence.

(3) Any application to renew a licence received less than three months before the expiration of the licence shall be subjected to the payment of a renewal fee and a late renewal fee as specified in the Schedule.

(4) Any application to renew a licence made after the expiration of licence shall not be considered for approval.

(5) Where the Director decides to renew the licence under subregulation (1) or (3), the applicant shall pay an issuance fee as prescribed in the Schedule to the Director before the licence is renewed.

Change of particulars

10. (1) Every holder of a mineral licence or mineral processing licence shall, within a period of one month from the occurrence of any changes of particulars in the licence, inform in writing to the Director of such changes.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Replacement of licence

11. (1) Where a licence is lost, defaced or damaged, the holder of a mineral or mineral processing licence shall apply for a copy of the licence from the Director together with a replacement fee as specified in the Schedule.

(2) The Director shall issue a copy of the licence with the word "PENDUA" endorsed on the copy of the licence.

Non-application of regulations 9, 10 and 11

12. Regulations 9, 10 and 11 shall not apply to a holder of licence to transport mineral.

Validity of licence

13. (1) Every licence issued for the activities referred to in paragraph 6(1)(a) shall be valid for a period of not more than three years.

(2) Every licence issued for the activities referred to in paragraph 6(1)(b) shall be valid for a period of not more than five years.

(3) Every licence issued for the activities referred to in paragraph 6(1)(c) shall be valid for a period of not more than six months.

(4) Notwithstanding subregulation (3), where a licence to transport mineral has been used by any person to transport mineral, such licence shall no longer be valid for subsequent transportation of mineral.

Compliance with conditions of licence

14. (1) The Director may impose any conditions in relation to a licence issued under subregulation 8(1).

(2) The Assistant Director may impose any conditions in relation to a licence issued under subregulation 8(2).

(3) The Director or Assistant Director, as the case may be, may at any time amend any conditions imposed under subregulation (1) or (2), where applicable.

(4) A holder of a licence shall comply with conditions imposed on the licence.

(5) Any holder of a licence who contravenes subregulation (4) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

Assignment of licence

15. (1) A holder of a licence shall not assign his licence to any other person.

(2) Any holder of a licence who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding twenty-five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

Revocation of licence

16. (1) Subject to subregulation (2), the Director, in relation to a licence issued under subregulation 8(1), or the Assistant Director, in relation to a licence issued under subregulation 8(2), may revoke a licence, where the Director or Assistant Director, as the case maybe, is satisfied that—

- (a) the holder of the licence has breached any conditions specified in the licence;
- (b) the holder of the licence has failed to comply with any provisions of the Act;
- (c) the holder of licence has failed to comply with any provisions of these Regulations;
- (d) the holder of the licence has been convicted of any offence under these Regulations; or
- (e) the granting of the licence was induced by a false representation of fact by or on behalf of the holder of the licence.

(2) The Director or Assistant Director, as the case may be, shall not revoke the licence unless he is satisfied, after giving the holder of the licence an opportunity to make representation in writing, that the licence should be revoked.

(3) Where a licence is revoked under subregulation (1), the Director or Assistant Director, as the case may be, shall issue a notice in writing to the licence holder.

Display or produce of licence

17. (1) A holder of a mineral licence or mineral processing licence or a premises manager appointed under regulation 18 shall—

- (a) display the licence at a conspicuous place at the premises specified in the licence; and
- (b) produce the licence for the purpose of inspection upon request by any mines officer.

(2) Any person who transports minerals shall produce the licence to transport mineral for the purpose of inspection upon request by any mines officer.

(3) Any holder of a mineral licence or mineral processing licence or a premises manager who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(4) Any person who contravenes subregulation (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Appointment of premises manager

18. (1) A holder of a mineral licence who carries out mineral storage activities and a holder of a mineral processing licence shall, subject to the approval of the Assistant Director, appoints a premises manager.

(2) Where the manager appointed under subregulation (1) ceases to be the premises manager, the holder of a licence referred to in subregulation (1) shall, subject to the approval of the Assistant Director, within three days from the date of cessation appoints another manager.

(3) Where the holder of a licence is a natural person, he may, subject to the approval of the Assistant Director, appoint himself as premises manager.

(4) A holder of a licence who contravenes subregulation (1) or (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

Duties of holder of licence or premises manager

19. (1) A holder of a mineral licence who carries on mineral storage activities or a premises manager shall comply with the storage management plan and shall—

- (a)* operate and maintain the work place in the manner that employees may perform their work without endangering their safety;
- (b)* monitor, assess and make regular inspection of the work place to identify accidents that may occur;
- (c)* take appropriate precautions in the work place to prevent fire and explosion;
- (d)* where there is a serious danger to the safety of employees, ensure all works are ceased and employees are evacuated to a safe location;
- (e)* ensure adequate supervision and control are provided in each working shift;
- (f)* provide sufficient safety equipment including first aid kit;
- (g)* post notices containing actions to be taken in the event of an emergency in the work place at conspicuous places and a plan showing locations of telephones or other communication equipment, first-aid stations, fire extinguishers and other rescue equipment ; and
- (h)* take all necessary measures to minimise the risks of accident in a work place.

(2) A holder of a mineral processing licence or a premises manager shall comply with the mineral processing scheme.

(3) Any holder of a mineral licence who carries on mineral storage activities or premises manager who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall,

on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

(4) Any holder of a mineral processing licence or premises manager who contravenes subregulation (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

(5) For the purposes of this regulation, “work place” means any places used for the purposes of storing or processing of minerals

Statistical returns

20. (1) A holder of a mineral licence or mineral processing licence or a premises manager shall submit the latest monthly statistical return in such form and manner as determined by the Director General.

(2) Any holder of a mineral licence or mineral processing licence or a premises manager who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

(3) A monthly statistical return referred to in subregulation (1) means a statistical return containing the following information:

- (a) the quantity and grade of minerals purchased and name of the seller of the mineral;
- (b) the quantity and grade of minerals sold and name of the buyer of the mineral;
- (c) the total consumption of electricity and fuel;
- (d) the type and quantity of chemicals consumed, where applicable;

- (e) stock of minerals;
- (f) royalty paid, where applicable;
- (g) the number of employees including citizenship and category of employment; and
- (h) the information in respect of investment, where applicable.

Maintenance of operations record

21. (1) A holder of a mineral licence who carries on mineral storage activities and a holder of a mineral processing licence or a premises manager shall maintain the latest and true record on operations in such form and manner as determined by the Director General.

(2) A holder of a mineral licence who carries on mineral storage activities and a holder of a mineral processing licence or a premises manager shall ensure that the record on operations is available at all reasonable times for the purpose of inspection by any mines officer.

(3) Any holder of a licence or a premises manager who contravenes subregulation (1) or (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Fee

22. Any fees paid pursuant to these Regulations shall not be refunded.

Appeals

23. (1) Any person aggrieved by the decision of the Director or Assistant Director in refusing to issue a licence under regulation 8, in refusing to renew a licence under regulation 9, or in revoking a licence under regulation 16 may, within thirty days after

being informed of the decision, appeal in writing against such decision to the Director General.

(2) The Director General may, after considering an appeal made under subregulation (1)—

- (a) affirm the decision of the Director or Assistant Director;
- (b) quash the decision of the Director or Assistant Director; or
- (c) substitute for the decision of the Director or Assistant Director such decisions as the Director General thinks fit.

Transitional provisions

24. (1) Any person who, on the date of commencement of these Regulations, carries out any activities referred to under these Regulations shall, within thirty days from the date of commencement of these Regulations, apply for a licence under these Regulations.

(2) Pending the decision on the application referred to in subregulation (1), such person may continue to carry out the activities.

(3) Where the Director or Assistant Director, as the case may be, does not approve the application referred to in subregulation (1), the applicant shall cease the activities that have been carried out and no compensation is required to be paid by the Director or Assistant Director, as the case may be, for any loss incurred or damages suffered by such person.

SCHEDULE
[Regulations 7, 8, 9 and 11]

Fees

No.	Regulation	Description	Rate of fee (RM)
1.	Regulation 7	Application fees—	
		(a) for a licence for activities under paragraph 6(1)(a)	500.00
		(b) for a licence for activities under paragraph 6(1)(b)	1,000.00
		(c) for a licence for activities under paragraph 6(1)(c)	10.00
2.	Regulation 8 and 9	Issuance fees—	
		(a) for a licence for activities under paragraph 6(1)(a)	1,000 per annum
		(b) for a licence for activities under paragraph 6(1)(b)	2,000 per annum
		(c) for a licence for activities under paragraph 6(1)(c)	5.00 for every licence issued
3.	Regulation 9	Renewal fees—	
		(a) for a licence for activities under paragraph 6(1)(a)	300.00
		(b) for a licence for activities under paragraph 6(1)(b)	600.00
		Late renewal fees—	
		(a) for a licence for activities under paragraph 6(1)(a)	1500.00

		(b) for a licence for activities under paragraph 6(1)(b)	3,000.00
4.	Regulation 11	Licence replacement fee	200.00

Made 15 December 2016
[NRE/PUU611-5/16; PN(PU2)439/VI]

DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
Minister of Natural Resources and Environment